

# SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO “OSC 3 PLUS ONLINE” KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

---

## A. MENCIPTA LOGO

### I. Syarat dan Peraturan Pertandingan

1. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada Warga KPKT, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia, atau anak-anak Warga KPKT dan berumur 18 Tahun dan ke atas sama ada secara individu atau berkumpulan.
2. Peserta boleh menghantar penyertaan tidak lebih daripada tiga (3) penyertaan. Setiap penyertaan mestilah menggunakan borang penyertaan berasingan yang lengkap diisi bersama hasil karya. Walau bagaimanapun, hanya satu (1) logo sahaja yang dipilih sebagai pemenang utama.
3. Rekabentuk logo hendaklah hasil ciptaan yang asli dan mengikut kreativiti masing-masing. Pihak urus setia tidak bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas hakcipta logo tersebut.
4. Setiap logo yang dikemukakan hendaklah mengandungi perkataan **OSC 3 Plus Online**.
5. Rekabentuk logo boleh dicipta samada menggunakan lukisan tangan atau menggunakan grafik komputer.
  - a) Saiz berukuran A4 dan ukuran logo 20cm X 18cm berwarna putih dalam bentuk sketches atau painting .
  - b) Bentuk *softcopy* dalam format asal seperti \*.psd (*Adobe Photoshop*), \*.ai (*Adobe Illustration*) dan dalam bentuk standard grafik \*.JPEG, dan \*.PNG dengan resolusi minimum 1280 x 960.
  - c) Sertakan kesemua perkara a) dan b) di atas bersama-sama dengan borang penyertaan dan teks penjelasan/ maksud logo.
6. Rekebentuk logo hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya mempunyai tiga (3) warna.
7. Logo yang dicipta hendaklah :-
  - a) Mempunyai penjelasan atau maksud atau rasional kepada bentuk dan warna yang dipilih;
  - b) Asli; dan
  - c) Tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif serta boleh menyinggung mana-mana pihak.
8. Semua logo yang diterima oleh urus setia tidak akan dikembalikan dan pihak urus setia berhak ke atas logo yang terpilih sama ada untuk dipinda atau dipamerkan atau pun dicetak.

9. Segala kos untuk menyertai pertandingan ini atas tanggungan peserta sendiri.
10. Setiap penyertaan hendaklah dihantar **ke alamat email sebelum atau selewat-lewatnya pada 21 Jun 2019 jam 12:00 tengahari :-**
  - a) [kawalanpemajuan2019@gmail.com](mailto:kawalanpemajuan2019@gmail.com)
11. Borang penyertaan adalah sepertimana dilampiran email.
12. Borang penyertaan **TIDAK BOLEH** dihantar melalui mesin faksimile

## II. Pengadilan

1. Setiap penyertaan akan dinilai daripada aspek konsep, kreativiti dan keaslian.
2. Keputusan pemilihan oleh pihak urus setia adalah muktamad.

## III. Hadiah

1. Seorang peserta hanya dibenarkan untuk memenangi satu hadiah sahaja. Peserta terpilih sebagai pemenang akan menerima hadiah yang tunai dan sijil penyertaan seperti berikut :-
  - a) **Tempat Pertama - RM500.00 dan Sijil Penyertaan**
  - b) **Tempat Kedua - RM300.00 dan Sijil Penyertaan**
  - c) **Tempat Ketiga - RM200.00 dan Sijil Penyertaan**